

HULU LANGAT: Penduduk kawasan ini yang berdepan banjir lumpur hingga merosakkan harta benda mereka dalam kejadian pada 7 Mac lalu menarik nafas lega berikutan kesediaan kerajaan menyediakan peruntukan berjumlah RM7.5 juta.

Peruntukan menerusi perancangan jangka pendek itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sejurus mengadakan pertemuan ringkas bersama Jabatan Pengairan

RM7.5j bantu mangsa banjir

dan Saliran (JPS) dan Jabatan Kerja Raya (JKR), di Sungai Serai, di sini, semalam.

Najib berkata, peruntukan membabitkan pembinaan jambatan laluan utama dengan kos RM3.5 juta, dua unit pembetung (RM1 juta) dan pengalihan utiliti (RM3 juta).

"Tadi (semalam), saya diberi taklimat sebelum datang ke

sini (lokasi bantuan di Institut Kemahiran Belia Negara). Dalam taklimat itu, JPS dan JKR minta supaya diambil langkah untuk mencegah banjir bagi jangka pendek.

"Jambatan laluan utama termasuk jambatan di Sungai Serai sebanyak RM3.5 juta, pembetung RM1 juta (dua buah), pengalihan utiliti RM3

juta dan semua sekali RM7.5 juta. Saya luluskan peruntukan terbabit," katanya pada Majlis Penyerahan Bantuan Banjir di IKBN, di sini.

Terdahulu, Najib meluangkan masa melihat keadaan Sungai Serai di Batu 11, dekat sini selain mendengar taklimat Pengarah JPS Selangor, Ab Qahar Osman berhubung ca-

dangan pembinaan kolam tadahan Sungai Serai, membatikan kos RM15 juta, dengan keluasan enam hektar yang dibina dalam dua tahun.

Selain itu, Najib mengambil peluang melawat kediaman penduduk yang dilanda banjir dengan melekatkan batu bata dengan disaksikan penduduk kawasan berkenaan.